

04/09/1997

RM60b pertahan BSKL (HL)

ff

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan dana khas RM60 bilion untuk menyelamatkan ekonomi negara daripada terus mengalami kemerosotan.

Daripada jumlah itu, Perdana Menteri berkata RM30 bilion disumbangkan oleh Khazanah Holding Berhad dan bakinya daripada sumber lain dalam negara.

Beliau berkata, dana itu akan digunakan untuk membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan harga premium daripada pihak tempatan yang mahu menjual.

"Kita akan membeli saham pada harga premium kerana saham ini boleh menguntungkan dan tidak akan merugikan kita. Tetapi kalau ada orang asing hendak menjual saham kepada kita, kita akan membeli dengan harga pasaran. Tidak ada premium," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis Taklimat Presiden di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) untuk menerangkan beberapa isu utama kepada perwakilan yang akan menghadiri Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari mulai Jumaat ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno serta lebih 1,000 perwakilan dari seluruh negara.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata kerajaan mengambil langkah itu untuk membantu pelabur yang menghadapi masalah akibat kejatuhan mendadak harga saham berpunca daripada manipulasi berterusan dalam pasaran saham dan pasaran mata wang oleh orang asing.

Menurutnya, sesetengah masalah yang dihadapi pelabur adalah berkaitan panggilan margin yang mana nilai saham mungkin sudah jatuh di bawah nilai yang disandarkan kepada bank sebagai cagaran untuk mendapatkan pinjaman.

Sebagai satu perbandingan, bila harga naik, nilai saham mungkin berada lebih 80 peratus di atas nilai yang disandarkan kepada bank.

Tetapi apabila harga mulai jatuh, pelabur akan menghadapi tekanan daripada bank untuk memenuhi perbezaan dalam nilai yang jatuh itu berbanding dengan nilai saham yang disandarkan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yang bertanggungjawab terhadap ekonomi negara tidak akan berdiam diri melihat tekanan asing.

"Justeru, kita merancang menyelamatkan ekonomi negara. Seperti biasa, untuk menjayakan sesuatu perjuangan, kita perlu kepada perpaduan. Kalau semua orang berdiri teguh di belakang kerajaan, sanggup menderita dan berkorban sedikit, insya-Allah kita boleh menang.

"Rancangan kita sekarang ialah untuk mempertahankan saham kita. Saham kita ada di dalam dan luar negara. Yang di luar negara, kita tidak boleh kawal. Tetapi kita sudah pun tentukan kita akan membeli saham yang ada dalam negara kalau ada sesiapa antara kita yang hendak menjual saham dan kita akan membelinya dengan harga premium.

"Maknanya, harga itu lebih daripada harga pasaran untuk mendapat keuntungan kerana saham sekarang nilainya begitu rendah sehingga kalau kita tak bergantung kepada nilai saham itupun tetapi cuma bergantung kepada untung rugi syarikat itu, kita sudah boleh dapat keuntungan melalui dividen.

"Inilah yang dikatakan asasnya sudah baik. Harga saham begitu murah. Kalau kita beli, kita tetap akan untung hanya daripada keuntungan syarikat. Tak payah lagi tunggu kenaikan harga saham. Sebab itu kita

mengumpulkan wang yang cukup lebih kurang RM60 bilion dan kita akan sanggup membeli saham kalau ada sesiapa yang terdesak kerana harga saham mereka jatuh," katanya.

(END)